

27 MAR 1998

Mahathir-Pendatang (Rangkuman)

PENGHANTARAN PULANG PENDATANG TETAP DILAKSANAKAN

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata keputusan kerajaan menghantar pulang pendatang asing tanpa izin tetap dilaksanakan walaupun berlaku rusuhan di tiga kem tahanan semalam.

Ketika mengulas kejadian rusuhan pendatang tanpa izin di kem tahanan Semenyih di Selangor, Lenggeng di Negeri Sembilan dan Macap Umbo di Melaka semalam, Perdana Menteri berkata ia adalah sesuatu yang di luar jangkaan.

Bercakap kepada pemberita di Jitra, Dr Mahathir berkata pihak keselamatan terpaksa menggunakan senjata bagi mengawal diri untuk meleraikan keganasan yang dimulakan oleh pendatang tanpa izin yang menggunakan besi dan kayu kerana enggan dihantar pulang ke Indonesia.

"Mereka yang mula menyerang sehingga menyebabkan kematian seorang anggota polis. Bagaimanapun peristiwa ini tidak akan menjejaskan keputusan kita untuk menghantar mereka pulang," katanya selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu.

Seorang anggota Polis Simpnanan Persekutuan (FRU) Kpl Nasaruddin Yeop, 35, dan lapan pendatang tanpa izin terbunuh dalam rusuhan di kem tahanan Semenyih, yang terburuk di antara tiga kejadian rusuhan itu.

Sebanyak 27 anggota polis tercedera, empat daripadanya parah dan dirawat di Hospital Kuala Lumpur dan Kajang. Tiga tahanan yang cedera parah juga dirawat di hospital.

Dr Mahathir berkata urusan penghantaran pulang pendatang tanpa izin bukannya mudah kerana melibatkan aspek kawalan, konvoi dan semua ini memerlukan belanja yang tinggi.

Ditanya sama ada perlu kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) digunakan untuk menghantar mereka pulang, beliau berkata ketika ini ia tidak diperlukan dan akan dikaji semula jika ada keperluan.

Ketika ini urusan penghantaran pulang pendatang tanpa izin ke Indonesia dilakukan dengan feri dari Melaka ke Dumai di Sumatera manakala penghantaran pulang pendatang Indonesia semalam melalui Lumut, menggunakan kapal tentera laut negara itu.

Sementara itu, Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor berkata operasi penghantaran pulang pendatang tanpa izin yang dimulakan awal pagi semalam akan diteruskan sehingga Ahad ini.

Perkara itu perlu dilaksanakan bagi mengelakkan kesesakan di depot-depot tahanan bagi membolehkan Ops Nyah II ditingkatkan, katanya selepas melawat seorang anggota polis yang cedera dan dirawat di Hospital Kuala Lumpur.

Katanya seramai 700 lagi pendatang tanpa izin Indonesia dari kem tahanan Lenggeng dihantar pulang hari ini dari Pelabuhan Klang.

Abdul Rahim berkata operasi penghantaran pulang pendatang tanpa izin Indonesia itu mendapat kerjasama seratus peratus daripada kerajaan Indonesia.

Polis kini mempergiatkan gerakan mencari 105 lagi pendatang tanpa izin yang melarikan diri dalam kejadian rusuhan di kem tahanan di Lenggeng, awal pagi semalam.

"Ops mengesan sedang giat dijalankan untuk mencari kesemua mereka. Demi keselamatan negara kita bertekad untuk mengutip setiap seorang yang memboloskan diri dari depoh tahanan imigresen atau menyifatkan keseluruhan operasi ini gagal," katanya.

Beliau berkata polis akan menjalankan siasatan daripada segi jenayah bagaimana pendatang-pendatang tanpa izin memperoleh senjata yang digunakan

dalam rusuhan itu.

Ketika ditanya mengenai langkah yang akan diambil bagi menempatkan baki pendatang di kem itu setelah empat blok kediaman hangus terbakar, Abdul Rahim berkata buat masa ini, mereka akan diletakkan di situ dahulu di bawah khemah yang didirikan Pasukan Gerakan Am.

Kesemua anggota polis yang dirawat kini berada dalam keadaan stabil. Tiga pendatang yang turut dirawat di HKL juga dilaporkan dalam keadaan stabil.

Di JAKARTA, kerajaan Indonesia menyatakan kesal atas kejadian rusuhan di kem tahanan pendatang di Semenyih semalam yang menyebabkan sembilan orang terbunuh itu.

Pernyataan itu disampaikan oleh Presiden Suharto kepada Menteri Luar Ali Alatas ketika Ali menghadap beliau di kediaman presiden di Jalan Cendana, Jakarta pagi ini.

Ali yang ditemui pemberita selepas pertemuan itu berkata Pemerintah Indonesia sangat kesal atas terjadinya peristiwa tersebut.

"Kita sangat kesal kerana hubungan dan kerjasama antara Malaysia dan Indonesia sangat baik. Kedua-dua pihak saling membantu dalam mengatasi masalah tenaga kerja," katanya.

Ali berkata kapal Angkatan Laut Republik Indonesia semalam telah membawa pulang 545 orang rakyat Indonesia yang berasal dari Aceh yang dihantar ke Lhokseumawe, Aceh Utara dari Pelabuhan Lumut, Perak.

"Mereka yang dibawa pulang itu termasuk yang mengalami luka-luka tetapi masih dapat diangkut," katanya.

Ali juga menjelaskan bahawa mereka adalah pendatang yang telah lama berada di Malaysia dan bukan pendatang baru yang datang kerana krisis ekonomi yang terjadi di Indonesia akhir-akhir ini.

"Mereka memang sudah disiapkan untuk dipulangkan ke Indonesia dan ditampung di empat kem tahanan pendatang di Malaysia" katanya.

-- BERNAMA

ABU JM SN NMO